



SIARAN AKBAR

**MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1447
DISELAJURKAN DENGAN MAJLIS DOA KESYUKURAN
BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA
YANG BARU KEMBALI KE TANAH AIR SETELAH MENUNAIKAN IBADAH HAJI
BAGI TAHUN 1446 HIJRAH / 2025 MASIHI**

**BANDAR SERI BEGAWAN
ISNIN, 04 MUHARRAM 1447H / 30 JUN 2025**

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447. Ianya dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya dan berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan. Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran surah At Taubah ayat 17 hingga 22 oleh Yang Mulia Awang Muhammad Aqil bin Haji Daud, Pengawas Tingkat Khas, Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya. Manakala bacaan intisari pengajaran dibacakan oleh Yang Mulia Dayang Zurainah binti Haji Awang Abdul Rahman, Penolong Pegawai Projek Tingkat I, Kementerian Pembangunan.

Majlis seterusnya diikuti dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 bertajuk **"Menelusuri Ibrah Peristiwa Hijrah Dalam Mencapai Kecemerlangan"** yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Majlis turut disemarakkan lagi dengan alunan dikir marhaban dan doa kesyukuran bagi meraikan seramai 20 orang Jemaah haji yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang telah kembali ke tanah air baru-baru ini dari menunaikan ibadah haji.

Turut hadir di Majlis tersebut, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Yang Mulia Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:
**Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kerja Raya**